

30/09/2001

Dunia vokal sebati dengan Ibrahim

Jamudin Idris

PEKERJAAN yang dikaitkan dengan seni suara, biasanya memberi pulangan yang dikira lumayan. Lihat saja mereka yang menjadi penyanyi, pemuzik, pencipta lagu, juruacara, pengulas tertentu memperolehi pendapatan empat atau lima angka sebulan.

Rahsia besar mereka kerana mempunyai vokal yang baik. Vokal menjadi aset sangat besar. Walaupun tidak berwajah terlalu tampan atau cantik tetapi kerana vokal yang baik, mereka dipilih mengendalikan acara tertentu.

Mereka yang mempunyai vokal yang baik turut dipilih untuk memasarkan produk tertentu. Jadi pelaburan untuk membentuk vokal yang baik bukan suatu pembaziran.

Ada yang jatuh cinta kepada seseorang yang mempunyai vokal yang baik. Itulah sebabnya sebelum wujud televisyen, ramai yang `terkam' pada radio apabila mendengar suara penyanyi yang diminati.

Dunia vokal ini sudah sebati dengan Ibrahim Bachik, salah seorang penggubah lagu terutama lagu puisi yang tidak asing di negara ini. Walaupun sudah bersara, bidang itu masih diteruskan.

Selepas berkhidmat lebih 20 tahun dengan RTM dan bersara pada 1995, tumpuan Ibrahim selepas bersara lebih kepada mengajar vokal.

Sebelum menjadi pengajar di studio sendiri yang dikongsi bersama kawan, Ibrahim terlebih dahulu menimba pengalaman sebagai pengajar vokal dan koir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selama tiga tahun.

Katanya, kelas vokal diadakan pada sebelah pagi, petang dan malam. Pada hari tertentu, beliau akan ke studio di Jalan Titiwangsa 3 di ibu negara untuk mengajar vokal. Pelajarnya bukan saja mereka yang ingin menjadi penyanyi tetapi ada juga mereka yang ingin menjadi dramatis atau juruacara.

Ada masanya beliau terpaksa ke pejabat orang tertentu untuk mengajar perkara yang sama. Kelas vokal di pejabat biasanya jemputan golongan tertentu dan mereka biasanya mempelajari vokal untuk menyanyi.

Bagaimanapun, Ibrahim berkata, vokal untuk penyanyi dengan juruacara berlainan kerana penonton tidak sama. Untuk penyanyi, perkara yang ditekankan mengenali muzik terlebih dahulu.

Pada peringkat awal suara seseorang pelajar akan direkodkan. Mereka diberi latihan memperbaikinya.

"Memandangkan bakat saya dalam bidang vokal, saya berhasrat mencurahkan ilmu kepada mereka yang berminat," katanya.

Pelaburan untuk memperbaiki vokal tidaklah terlalu besar berbanding hasil yang mereka raih sekiranya mempunyai vokal yang baik.

Penyanyi yang mempunyai vokal baik dan mengetahui seni muzik biasanya mempunyai ketahanan yang lebih. Hal seperti ini banyak ditekankan oleh penyanyi Barat dan kerana itu mereka mampu bertahan dalam dunia seni.

Ibrahim bersyukur kerana ilmu yang dipelajari dari guru vokal terkenal, Zuber Said di Singapura disebarkan kepada mereka yang berminat dalam bidang itu. Bagaimanapun, beliau hampir tidak boleh mengajar vokal kerana serangan angin ahmar.

Bagaimanapun, selepas berlatih secara perlahan-lahan, beliau pulih dari penyakit itu dan kini dapat mengendalikan kelas seperti biasa.

Kelas vokal secara intensif biasanya diadakan selama tiga bulan. Bagaimanapun sekiranya mereka masih belum dapat menguasainya, ia boleh ditambah tiga bulan lagi.

Selain menjadi guru vokal, Ibrahim juga mencipta dan menggubah lagu dari

puisi dan lagu komersial. Terbaru, beliau mencipta lagu "Bicara Dengan Teman Lama" berdasarkan puisi karya tokoh wartawan, Tan Sri Samad Ismail dan diperdengarkan pada majlis Baca Puisi Angkasapuri baru-baru ini.

Lagu puisi lain yang mengangkat nama Ibrahim termasuk puisi "Kekasih" nyanyian Kumpulan Koprata dan "Berkolek Bersajak" karya JM Aziz. Lagu puisi awal yang dicipta Ibrahim adalah "Senyum" berdasarkan puisi kawan rapatnya, Atondra pada 1968.

"Pada saya, semua sajak boleh dilagukan tetapi sedap atau tidak sedap didengar adalah satu aspek lain," katanya yang sedang menggubah lagu dari puisi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "Melayu Mudah Lupa" yang akan disampaikan oleh Kumpulan Ibraba.

Bagi Ibrahim, bersara tidak bermakna seseorang tidak dapat menyumbang sesuatu dan beliau ingin memberi sumbangan dalam bidang yang diminatinya.